

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HKN 101 – Puitika dan Konvensi Kesusasteraan Nusantara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Pemahaman tentang puitika sastera melibatkan kajian tentang unsur-unsur luaran karya dan juga unsur-unsur dalaman karya. Bincangkan.
2. ...sastera menawarkan, antara lainnya, pengalaman estetik, suatu jenis pengalaman yang memperkayakan perasaan dan kewujudan manusia.

[Muhammad Haji Salleh]

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan **dua bentuk** pengalaman estetik yang boleh didapati melalui karya penglipurlara Melayu. Berikan **dua faedah** pengalaman estetik tersebut dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu zaman silam.

3. Menurut Muhammad Haji Salleh di dalam buku *Puitika Sastera Melayu*, khalayak merupakan suatu masyarakat pendengar yang kolektif sifatnya. Bincangkan pandangan tersebut dengan mengemukakan **tiga ciri** khalayak yang bersifat kolektif.

...2/-

4. Baca pantun berikut dan jawab soalan yang dikemukakan:

Cahaya redup menyegar padi,
Ayam berkokok mengirai tuah,
Jikalau hidup tidak berbudi,
Umpama pokok tidak berbuah.

Suasa bertahil emas berbungkal,
Tetapi intan tiada sesaga,
Kalau kail panjang sejengkal,
Usah lautan hendak diduga.

Bincangkan kedua-dua rangkap pantun di atas dalam konteks penampilan kehalusan dan ketinggian pemikiran pengarangnya.

5. Braginsky menggolongkan karya sastera Melayu bercorak sejarah di dalam “sfera faedah” yang dicirikan oleh keindahan dalaman. Dengan merujuk kepada episod Raja Bersiung di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, bincangkan konsep nilai keindahan tersebut.
6. Unsur pengembaraan merupakan salah satu ciri utama plot sesebuah karya romans (*romance*). Berdasarkan sebuah cerita panji **atau** kaba Minangkabau yang anda ketahui, buat satu analisis tentang konvensi penciptaan unsur pengembaraan yang membina plot romans di dalam karya berkenaan.
7. Karya Sufi mempunyai ciri-ciri puitika yang bersifat Alam Tinggi. Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada aspek pengarang dan penggunaan bahasa bagi sesebuah karya Sufi yang bersesuaian.

8. Kita lihat Barat ketika berdepan dengan budaya Melayu, lebih yakin untuk menggunakan model dan rumus-rumus yang mereka lebih selesa. Tetapi, untuk menuntut bahawa ilmu dan model merekalah yang paling tepat dan berwibawa untuk mengukur hasil-hasil pemikiran yang tercetus dalam satu tradisi budaya yang amat berbeza adalah agak keterlaluan.

[Noriah Taslim]

Bincangkan pandangan di atas dalam hubungannya dengan kepentingan-kepentingan memahami karya Melayu tradisional berdasarkan konsep puitika sastera Melayu.

-- oo000oo --